

# BULLETIN KELAB PENDAKWAH MUDA

FEBRUARI 2006

## PROGRAM KURSUS PENDAKWAH MUDA KEBANGSAAN 2005

**KEWAJIPAN  
BERDAKWAH**

**A TRIP DOWN  
THE MEMORY  
LANE...**

**20 DASAR DAI'  
SEBAGAI PEM-  
BIMBING UMMAH**

**CATATAN DARI  
HATI...**

*"Mereka itu adalah orang-orang yang Allah mengetahui apa yang di dalam hati mereka. Kerana itu berpalinglah kamu daripada mereka, dan berilah mereka pelajaran, dan katakanlah kepada mereka perkataan yang berbekas pada jiwa mereka"*

An-Nisa: 63

**K**ursus Induksi Pendakwah Muda Kebangsaan 2005 telah di adakan pada 3 hingga 7 Disember 2005 bertempat di Buaya Kem Gelanggang Buaya, Jugra, Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan. Kursus ini telah dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Dato Sri Dr. Haji Shafie Bin Hj. Mohd. Salleh. Jemputan yang hadir pada hari tersebut adalah terdiri daripada Rektor KUIM, Prof. Dato' Dr. Hj. Shukor Hj. Husin, Timbalan Rektor HEP & Alumni KUIM, TNC HEP UKM, Wakil UPM, UPSI, KUTKM dan pegawai-pegawai kanan universiti.

Dalam ucapan Y.Bhg. Dato, Dato' telah menjelaskan bahawa tentang sifat dan sikap pendakwah masa kini perlu mempunyai pelbagai ilmu pengetahuan dan bertindak berdasarkan ilmu dengan cara membina bukan saja kepada diri, malah orang lain, masyarakat dan kawan sebaya. Selain daripada itu, beliau juga mengaitkan bahawa matlamat negara ke arah Wawasan 2020 ini ingin menjadikan negara kita ini maju bukan dari segi fizikal, malah seiring dengan pembangunan rohani. Lantaran itu akibat daripada kemajuan negara ke arah Wawasan 2020, para pendakwah perlu membuat anjakan dakwah bukan dari segi kerohanian dan fizikal semata-mata malah perlu merentasi fardu kifayah bagi memahami matlamat dan perkembangan semasa.

Majlis Perasmian Penutup kursus induksi ini telah di sempurnakan oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Mohammad Haji Alias, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar & Alumni. Dalam ucapan Y.Bhg Prof telah menyentuh bahawa pendakwah perlu kepada sikap *survival* dalam menjalankan usaha dakwah. Selain itu, beliau juga menyarankan agar dianjurkan lagi kursus sebegini dan skopnya perlu diperluaskan kepada semua pelajar dan pegawai. Ini kerana usaha dakwah ini sentiasa berterusan bukan sekadar masa sekarang namun sehingga akhir hayat.

Sepertimana Sabda Nabi S.A.W. "*Tuntutlah ilmu itu semenjak buaian hingga ke liang lahat*". Beliau juga mengaitkan bahawa bertapa mulianya seorang pendakwah itu diumpamakan pewaris nabi. Lantaran itu dengan adanya kursus induksi ini sedikit sebanyak memberi pendedahan kepada para peserta bahawa kita sekarang ini sebenarnya kekurangan pendakwah muda. Dengan adanya kursus ini maka akan bertambahlah bilangan pendakwah muda kita.



bukan Islam.

Secara keseluruhannya, kursus ini telah berjaya dianjurkan dengan jayanya. Segala sokongan yang diberikan oleh pihak Bahagian Hal Ehwal Pelajar, pihak Fakulti Kepimpinan & Pengurusan serta pihak Kementerian Pengajian Tinggi dalam menganjurkan program ini. Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua peserta yang terlibat sepanjang kursus ini.

Kursus ini telah disertai oleh 47 peserta terdiri daripada pelajar dan pegawai universiti dari KUIM, UKM, UPM, UITM, UM dan UPSI.

Disediakan oleh

Mohamad Samir Sulaiman

Penolong Pendaftar

Sekretariat Pendakwah Muda Malaysia

Program ini dianjurkan oleh Sekretariat Pendakwah Muda Malaysia dan telah diselenggarakan secara langsung oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar KUIM dan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Melalui kursus ini para peserta telah diberi input-input yang bertujuan untuk memantapkan aspek-aspek dakwah dari segi Metodologi, Dakwah *Bil Lisan* dan Dakwah *Bil Hal*, kemahiran kaunseling, *survival* dan sebagainya melalui kaedah perbincangan, *experiential learning*, sumbang saran dan sebagainya. Hasil yang diharapkan

melalui krusus induksi ini ialah agar dapat melahirkan para *dai'e* yang berkemahiran dan berkeyakinan untuk menegakkan syiar Islamiah secara praktik di kalangan masyarakat Islam mahu pun



## PENDAKWAH MUDA

*Pendakwah muda*

*Matlamat kita bukannya matlamat cinta*

*Bukan masanya merajuk dan memujuk*

*Tiada gurau senda memanjang*

*Kerana kita sedang berjuang.....!*

*Berjuang mempertahankan ukhwah*

*Berjuang mempertahankan kalimah Allah*

*Berjuang menyampaikan dakwah...*

*Pendakwah muda*

*Andai kita leka dan alpa*

*Rugilah nasib umat manusia*

*Tak kenal dosa, pahala*

*Lantaran nafsu merosakkan jiwa*

*Pendakwah muda*

*Bangunlah!*

*Jika engkau tersungkur dek godaan*

*Melanda... Ujian menimpa...*

*Apakah mungkin umat sentosa*

*Lantaran kau tidak upaya...asyik berputus asa*

*Pendakwah muda*

*Bersedialah! Bangkitlah!*

*Umat manusia memerlukan kita....*

*Walau rebah dilanda musibah*

*Memantapkan ukhwah, perhebatkan dakwah.*

*Saiiful Anuar KUIM*

## Foreword..

Assalamualaikum...

**A**lhamdulillah, bersyukur ke HadratNya kerana dengan limpah KurniaNya akhirnya Sekretariat Pendakwah Muda Malaysia berjaya menerbitkan Buletin yang julung-julung kali diterbitkan di kalangan Urusetia Sekretariat Pendakwah Muda Sendiri.

Sesungguhnya tahun 2006 adalah tahun yang bermakna buat Sekretariat Pendakwah Muda Malaysia kerana telah diberi kepercayaan untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti yang berteraskan kepada aktiviti dakwah. Sesungguhnya dakwah adalah merupakan satu elemen yang penting dalam pembinaan sahsiah dan tingkah laku masyarakat. Lantaran itu dengan adanya buletin ini diharapkan dapat merealisasikan lagi misi dan visi Sekretariat ini untuk untuk pembangunan masyarakat.

Dakwah bil hal adalah merupakan satu pendekatan yang terbaik dalam aktiviti berdakwah. Melalui pendekatan ini pelbagai cara dan skop dakwah dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Penulisan dan ceramah adalah merupakan satu langkah terbaik dalam melaksanakan dakwah buat masa ini.

Mahasiswa/ mahasiswi perlulah bersama-sama menggembeleng tenaga, buah fikiran serta pandangan positif sejajar dengan harapan dan impian Pemerikasaan Dakwah ini dapat direalisasikan dengan jayanya.


Seiring dengan matlamat dan wawasan negara, Sekretariat Pendakwah Muda Malaysia mengharapkan agar dengan penerbitan Buletin ini akan mencatatkan satu titik permulaan terhadap kegemilangan Islam untuk umatnya. Selamat Tahun Baru Hijrah 1427 diucapkan kepada seluruh warga Urusetia Sekretariat Pendakwah Muda Malaysia semoga di awal tahun ini akan membawa rahmat dan berkat seadanya. Semoga Sekretariat Pendakwah Muda Malaysia pemangkin generasi muda negara.

Terima kasih,

Prof. Dr. Mohammad Haji Alias

Timbalan Rektor (HEP dan Alumni)

Kolej Universiti Islam Malaysia.



“Mahasiswa/  
mahasiswi  
perlulah  
bersama-sama  
menggembeleng  
tenaga, buah  
fikiran serta  
pandangan  
positif sejajar  
dengan harapan  
dan impian”

## EDITOR'S NOTE

**DAKWAH.** That's a scary word and definitely not for me. Those were the first things that came to my mind when I was called to Kursus Pendakwah Muda.

I went to the course with a closed mind (yes, I did hate the course at first) and came back home enlightened (to the surprise of my friends).

The course showed me the true meaning of DAKWAH.. It was no longer scary. Dakwah does not mean telling people what to do and not to do per se. A good

dakwah lies in the skills of communication.


All this while, the image of our dai' is smeared with negative perceptions as we neglect the essentials in communicating our ideas. It is important for us Muslims to be aware to effective ways of disseminating our message to others. In addition, we should also be aware of other elements of communication such as methods, barriers and cultures in communication, so that we can be an effective communicator.

I congratulate the people who worked hard to ensure the success of the course. I also want to remind the participants of the fire of motivation and conviction in their eyes on the last day of the course. Now, we are facing our first obstacle, that is the hustle and bustle of daily routines.

Let us not let the fire in our eyes dies. Let us work to be an effective communicator as well as a good dai'.

FARIZA PUTEH BEHAK

FPBU, KUIM



### La Takhzan (Jangan Bersedih)

La Takhzan  
 Biarlah mendung berlalu  
 Keringkan air matamu  
 Gugurkan daun kedukaan dari ranting kehidupanmu  
 Kerana masih ada  
 Yang mengasihanimu

La Takhzan  
 Derita itu penghapus dosa  
 Serulah jisim kelabu agar menjana jasadmu  
 Ruku' dan sujud mensuci jiwa  
 Panjatkan doa setulus sutera  
 Kerana masih ada  
 Yang mengkabulkan permintaanmu

La Takhzan  
 Ungkaplah kalimah Allah,  
 Mengejut arteri, dan neuronmu  
 Mengetip hati nan dingin beku  
 Membangun empangan iman di setiap sel tubuhmu  
 Kerana masih ada  
 Yang melindungimu

La Takhzan  
 Selagi nadi masih ada  
 Selagi nafas bersilih ganti  
 Dari serebrum mahupun al-veolus  
 Hamparkanlah tirai keinsafan  
 Kerana masih ada

Yang mengampunimu

La Takhzan, La Takhzan, La Takhzan  
 Kebahagiaan akan tetap menjadi milikmu  
 Malaikat menanti kehadiranmu  
 Di seberang titian Siratul Mustaqim  
 Keabadian berkat kesabaranmu  
 Senyumlah wahai sahabatku  
 Kerana itulah janji-janji Allah  
 Dalam jalan menuju ke syurga

**Zetty Nadia Bt. Mohd Zain**  
 Tutor FPSK KUIIM

## 20 DASAR DAI' SEBAGAI PEMBIMBING UMAT

1. Dari perkara cabang dan sampingan kepada usul menyeluruh
2. Dari perkara sunat kepada wajib (fardhu)
3. Dari percanggahan kepada persefahaman.
4. Dari amalan zahir kepada amalan batin
5. Dari aspek keterlaluan dan kekurangan kepada kesederhanaan
6. Dari suka menyusah-nyusah dan mengusir kepada mempermudah dan memujuk
7. Dari jumud (beku) dan meniru (taklid) kepada ijihad dan pembaharuan
8. Dari bercakap dan bertengkar kepada sumbangan dan bekerja
9. Dari semangat dan spontan kepada praktikal dan perancangan
10. Dari ta'asub kepada bertolak ansur dan menghormati pendapat orang lain
11. Dari bersemangat dan pidato-pidatoan kepada halaqah pengajian dan pengisian
12. Dari kuantiti kepada kualiti
13. Dari ideal kepada realiti
14. Dari menolak masyarakat kepada hidup bergaul
15. Dari menyorot kebelakang kepada memahami keadaan dan bersedia menghadapi masa hadapan.
16. Dari tenggelam didalam arus politik kepada kerja-kerja kemasyarakatan
17. Dari berbagai pertentangan dan perselisihan kepada berbagai bidang kerjasama dan persefahaman
18. Dari kecuiaan dalam urusan hidup kepada tekun dan rapi
19. Dari fahaman kedaerahan yang sempit dalam alam sejagatan
20. Dari bangga diri (ego) kepada menghitung diri (muhasabah)

(dipetik dari Dr Yusuf al-Qardawi,  
*Dimanakah Kepincangan Umat Kini?*  
 Terjemahan: Mohd Fakhruddin Abdul Mukti, Penerbitan Hizbi, 1990:90)

***“Dari aspek keterlaluan dan kekurangan kepada kesederhanaan”***



## DAKWAH DAN KEWAJIPANNYA

D

akwah merupakan sendi utama dalam memastikan perkembangan agama Allah 'Azzawajalla. Allah s.w.t telah memuliakan umat Nabi Muhammad s.a.w. dengan peranan mereka di dalam meneruskan dakwah yang dipelopori oleh Rasulullah s.a.w. Firman Allah Ta'ala :

(( كتم خير أمة أخرجت للناس بأمر من بالعرف وتنهون عن المنكر وتؤمنون بالله )) آل عمران : 110

Maksudnya : "Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma'ruf (kebaikan) dan mencegah daripada yang mungkar (kejahatan) dan beriman kepada Allah." Surah Ali 'Imran : 110

Begitu juga pujian dan penghormatan daripada Allah s.w.t terhadap golongan-golongan yang menggerakkan dakwah ini. Allah Ta'ala berfirman :

(( ومن أحسن قولاً ممن دعا إلى الله وعمل صالحاً وقال إنني من المسلمين )) فصلت : 33

Maksudnya : "Dan siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru (mengajak) kepada Allah, mengerjakan amal yang saleh dan berkata "sesungguhnya aku termasuk dalam golongan orang yang berserah diri?"

Sebelum keterangan lebih lanjut berkenaan tentang kewajipan dakwah ini, adalah lebih baik kita sama-sama menerokai pengertian sebenar *dakwah* dan *pendakwah* pada kacamata Islam. *Dakwah* adalah perkataan arab yang berasal daripada kalimah دعا, terdiri daripada huruf Dal, 'Ain dan Alif. Perkataan ini membawa erti mengajak, meminta dan memohon. دعا bermaksud memanggil atau mengajak seseorang. Dari segi istilah perkataan دعا atau الدعوة إلى الله bermaksud mengajak dan menggalakkan seseorang untuk mentauhidkan Allah Ta'ala, beriman denganNya dan menyembah Allah Ta'ala. Secara umumnya dakwah itu adalah mengajak kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran. Manakala al-Da'ci atau pendakwah pula membawa erti seseorang sama ada lelaki ataupun perempuan yang mengajak kepada mentauhidkan Allah Ta'ala, beriman denganNya dan menyembah Allah Ta'ala. Mereka adalah orang-orang yang mengajak kepada kebaikan dan mencegah segala kemungkaran.

Berdasarkan kepada dalil-dalil dan pengertian di atas jelaslah kepada kita semua bagaimana tinggi dan mulianya seorang yang menjalankan dakwah kepada Allah s.w.t. Merekalah orang-orang yang meneruskan perjuangan rasul-rasul s.a.w yang diutuskan oleh Allah s.w.t, membantu agamaNya dan layaklah mereka mendapat pengiktirafan dan kemuliaan daripada Allah Ta'ala.

Persoalan yang mungkin bermain di minda seluruh umat Islam, adakah dakwah ini hanya menjadi tanggungjawab dan kewajipan golongan tertentu, atau ia menjadi kewajipan seluruh muslim yang mengaku beriman kepada Allah Ta'ala?

Firman Allah s.w.t.:

(( والمنافقون والمنافات بعضهم أولياء بعض يأمرون بالمنكر وينهون عن المعروف )) التوبة : 67

Maksudnya : "Orang munafik lelaki dan perempuan, sebahagian dengan sebahagian yang lain adalah sama. Mereka menyuruh membuat yang mungkar dan melarang berbuat yang ma'ruf." Surah al-Taubah : 67

Selepasnya Allah s.w.t berfirman :

(( والمؤمنون والمؤمنات بعضهم أولياء بعض يأمرون بالمعروف وينهون عن المنكر )) التوبة : 71

Maksudnya : "Dan orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain, mereka menyuruh yang ma'ruf, mencegah daripada yang mungkar.." Surah al-Taubah : 71

Imam Ibn Kathir berkata ketika mentafsirkan ayat ini: "Allah Ta'ala mencela sifat-sifat golongan munafik yang berbeza dengan sifat orang yang beriman, dimana orang yang beriman mengajak kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran, manakala sifat orang munafik bertentangan dengan sifat orang yang beriman (mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran merupakan sifat yang dimiliki oleh orang yang beriman.) Jika inilah yang merupakan antara sifat-sifat sebenar orang yang beriman, maka sudah pastilah menjadi **kewajipan** kepada seluruh orang yang beriman termasuk lelaki dan perempuan untuk menjalankan dakwah kepada Allah Ta'ala.

Perkara ini dikuatkan lagi dengan firman Allah s.w.t :

(( قل هذه سبيلي أدعوا إلى الله على بصيرة أنا ومن اتبعني وسبحان الله وما أنا من المشركين )) يوسف : 108

Maksudnya : Katakanlah : Inilah jalan (agama)ku, aku dan juga orang-orang yang mengikutku, mengajak kamu kepada Allah dengan hujah yang nyata, Maha suci Allah, dan aku tidak termasuk di kalangan orang-orang musyrik. Surah Yusuf : 108

Orang-orang yang menjadi pengikut Rasulullah s.a.w adalah orang yang beriman dengan baginda, mengikut segala perintahnya. Jika Rasulullah s.a.w berdakwah kepada Allah s.w.t dengan ilmu dan pengetahuan maka wajib bagi pengikutnya berdakwah kepada Allah s.w.t. Andaikata mereka tidak berdakwah, jelaslah kekurangan iman mereka terhadap Allah s.w.t. dan RasulNya.

Rasulullah s.a.w. bersabda :

(( من رأى منكم منكراً فليغيره بيده ، فإن لم يستطع فبلسانه ، فإن لم يستطع فقلبه وذلك أضعف الإيمان )) رواه مسلم



Bermaksud : Sesiapa dia antara kamu yang melihat suatu kemungkaran maka hendaklah dia mencegahnya dengan tangannya (kuasa), jika tidak mampu (dengan tangannya) maka dengan lidahnya, jika tidak mampu, maka dengan hatinya (tidak redha dengan kemungkaran) dan ia (dengan hati) adalah selemah-lemah iman. Riwayat Imam Muslim.

Imam al-Nawawi ketika menghuraikan hadis ini, meletakkannya di bawah tajuk : Keterangan bahawa melarang daripada melakukan segala kemungkaran itu merupakan sebahagian daripada iman, sesungguhnya iman boleh bertambah dan berkurang serta mengajak kepada yang ma'ruf dan melarang daripada yang mungkar adalah dua perkara yang wajib.

Berdasarkan kepada dalil-dalil yang telah dikemukakan, jelaslah kepada kita bahawa dakwah merupakan suatu kewajipan bagi setiap muslim dan muslimah.

Marilah sama-sama kita berusaha menambah ilmu pengetahuan tentang agama agar dapat menjalankan dakwah dengan lebih efisien dan konsisten, melengkapkan diri dengan segala persiapan untuk memastikan kejayaan dakwah ini. Moga dengan uaha yang bersungguh-sungguh agama Allah dapat didaulatkan, diagongkan dan menjadi agama penyelamat kepada seluruh umat manusia di dunia dan akhirat.

# A TRIP DOWN THE MEMORY LANE...



## SESUNGGUHNYA...

Sesungguhnya..... Tika kau lemah,  
Sahabatmu untuk kau luah rasa,  
Sesungguhnya..... Tika kau Goyah,  
Kau harus Kuat kerana kau pembawa  
Agama,  
Tika kau terluka,  
Kau harus tabah kerana kau mujahid  
muda.  
Da'i itu ibarat tiram di laut,  
Dihiris pepasir tercalar ia,  
Sungguhpun terluka tetap dipendam,  
Sungguhpun pedih tapi tetap disimpan,  
Namun akhirnya dibalas dengan muti-  
ara berharga.

Yung di tengah tasik,  
Perjuangan di luar ibarat mendayung  
di tengah lautan.  
Sesungguhnya perjuang yang ikhlas  
Hatinya sentiasa tenteram  
Menghubungkan dirinya dengan pen-  
cipta  
Bilamana manusia memerlukan  
kita.....  
Sesungguhnya kita amat memerlukan  
kekuatan dari pencipta.  
Teruskanlah perjuangan kerananya  
Itulah yang sebenarnya,  
Semakin dekat bahtera diri kepada  
Allah.

Semakin kuat rebut taufan melanda,  
Biar rebah jangan berubah,  
Biar terbuang teruskan perjuangan,  
Seru mujahid membawa shahid.....

Kamarazlan Bin Mohamed (KUIIM)

## LAHIRNYA PENDAKWAH MUDA

Ekoran kejayaan menganjurkan Konvensyen Pendakwah Muda Peringkat Kebangsaan pada Ogos yang lalu, maka satu lagi gagasan per-  
laksanaan program yang bertujuan menjana Dakwah Islamiah yang lebih efisien iaitu Kursus Induksi Pendakwah Muda telah diadakan pada 3-7  
Disember 2005. bertemakan "Pendakwah Muda Pemangkin Ummah", program / kursus ini telah membina semangat perjuangan yang utuh dalam  
diri peserta yang bakal menjadi pendakwah pada masa akan datang.

Jika diteliti dari segenap sudut, kursus ini ternyata sekali telah memberi impak dan kesan dalaman yang positif. Ini dilihat daripada se-  
mangat ukhwah yang ditunjukkan oleh semua peserta yang bakal menerajui gerakan ini di institusi pengajian masing-masing dalam usaha dakwah.  
Tidak dapat dinafikan lagi, kursus ini benar-benar membentuk jati diri dan keyakinan dalam diri setiap pesertanya.

Melalui sumbangsaran yang dibuat, beberapa perancangan yang merupakan perlaksanaan strategik telah dibuat. Antaranya, bagi  
mengekalkan semangat kerjasama dan keinginan kepada dakwah, cadangan agar program susulan dalam jangkamasa terdekat telah disuarakan.  
Selain itu, banyak lagi aida dan cadangan telah diutarakan yang menampakkan semangat jitu pendakwah muda. Nyata sekali, ideologi dakwah kuat  
dalam diri peserta telah memberi satu kesempurnaan kepada kursus induksi ini.

Seperkara lagi yang perlu diberi perhatian adalah aspek pengisian. Dengan diterajui oleh kaunselor yang bertauliah dan berpengalaman,  
program ini telah berjaya mencapai misinya. Disamping itu, tidak dapat dinafikan juga, sepanjang 5 hari kursus berjalan beberapa pengalaman baru  
telah ditempa melalui pengisian yang cukup baik. Peserta yang merupakan pendakwah muda telah disajikan juga dengan gambaran sebenar realiti  
hidup seorang pendakwah.

Melalui segala usaha yang begitu gigih, diharapkan agar sekreteriat atau gerakan ini terus bersinar dan melahirkan ramai lagi pendakwah  
muda. Semoga hasrat dan aspirasi murni ini mendapat rahmat Allah serta terus tegar di persada dunia.

Mohd Anas Ali UKM



## CATATAN DARI HATI

Catatan ini khas ditujukan kepada ahli Kelab Pendakwah Muda Kebangsaan. Segala yang ku tulis adalah ikhlas dari hati untuk tatapan di kala kerinduan terhadap kenangan kita bersama.

Ingatkah anda pada hari pertama pendaftaran? Semua daripada kita terpinga-pinga, masing-masing dengan diri dan kedudukan masing-masing. Namun begitu, sikap kemesraan dan rendah diri menjadikan kita mula mengenali antara satu sama lain. Akhirnya terjalinlah satu ukhwah. Lebih-lebih lagi ketika aktiviti merempuh halangan. Kemudian kita mengenali antara kita, tarikh lahir, kegemaran dan sebagainya pada malam hari atas bantuan Pak Wan & Pak Om.

Ketabahan diuji lagi pada hari kedua. Keletihan dan kesakitan tetap ditahan. Pengajian mesti diteruskan demi menimba ilmu sebagai panduan dan bekalan. Paling mencahar ketika aktiviti *outdoor*. Kita semua terpaksa membuang rasa gementar ketika *river crossing* dan juga menguji ketahanan mental dan fizikal ketika berjalan dan tidur di dalam hujan. Terasa keinsafan dalam hati bagaimana cabaran dan rintangan yang akan kita hadapi sebagai seorang pendakwah.

Hari ketiga penuh dengan pengisian ilmu untuk menjadi pendakwah. Kerja lapangan



pada waktu malamnya banyak mendidik dan mendedahkan kami keadaan sebenar dan masalah dalam masyarakat Malaysia sebenarnya.

Paling tidak dapat dilupakan, kenangan bermain kayak dan selut lumpur bagaimana kerjasama dipupuk dalam kumpulan. Begitulah serba sedikit perjalanan harian kita di kem induksi ini. Jutaan terima kasih kepada Pak Om, Pak Wan, Tuan Khairul, Tuan Rashid, Tuan Mastri, Tuan Shahrul dan urusetia yang banyak membantu.

Kepada teman-teman sekalian, kemesraan dan kerjasama amat aku hargai walaupun berlainan lata belakang, menjadikan kita semua bagaikan sebuah keluarga.

Akhir catatan, setiap manusia ada kelebihan. Kelebihan itu satu keindahan. Jadilah permata laut yang sukar dicari tapi amat diperlukan. Kenangan akan tersemat dalam hati.

Noor Afzan UPSI

## INGATAN.

Usah risau jika wajah tidak rupawan  
Tetapi risaulah jika berakhlak murahan....

Usah risau jika tidak berpasangan  
Tetapi risaulah jika Ilmu dan Iman  
Berkurangan....

Teman  
Kaulah pemberi semangat  
Tatkala aku kurang bermotivasi  
Dan memberi ingat  
Andai aku terlanjur beraksi  
Terima kasih atas segalanya....

Zul Hairi Ahmad

Jika ingin menjadi batu, janganlah menjadi batu biasa yang rendah tempatnya menunjukkan rendah maruah, nilai & kedudukan, disepak ke sana ke mari, tidak dihiraukan oleh manusia tetapi jadilah seperti batu permata yang tinggi nilai dan kedudukannya yang sentiasa menjadi rebutan ramai.

Jika ingin menjadi kayu, janganlah menjadi seperti kayu biasa yang mudah rapuh, tidak berharga tetapi jadilah seperti kayu jati yang kuat dan tahan lama yang melambangkan kekuatan dan kececalan.

Jika ingin menjadi manusia, janganlah jadi seperti manusia biasa yang tidak tetap pendiriannya, goyah imannya, dan lemah akalunya tetapi sebaliknya jadilah manusia yang luar biasa yang tetap pendiriannya, tidak goyah imannya, pergaulan sentiasa dipagari, solat menjadi pengikat diri, Al-Quran adalah teman sejati, akhlak indah berseri dan sifat berani sentiasa menyinari. Itulah mushahidah sejati.

Awfa KUIM

**AKTIVITI CADANGAN SEKRETARIAT PENDAKWAH MUDA MALAYSIA  
6 BULAN PERTAMA 2006**

Bil	Perkara	Tarikh	Tempat
1	Buletin Sekretariat	Januari 2006	KUIM
2.	Pertandingan Mencipta Logo Sekretariat	Februari 2006	KUIM
3.	Promosi Sekretariat Pendakwah Muda Malaysia	Mac 2006	Sekitar KUIM
4.	Promosi Sekretariat Pendakwah Muda Malaysia	April 2006	Sekitar IPTA
5	Operasi Khidmat Muda 2006	Mei 2006	Felda Sahabat 01, Lahad Datu, Sabah.
6.	Kursus Pementapan Kemahiran Pendakwah Muda	Jun 2006	Sekitar IPTA Lembah Klang

**JAWATANKUASA PELAKSANA**

**Pengerusi**

Y. Bhg. Prof. Dr. Mohammad Haji Alias

**Setiausaha**

Encik Muhammad Haizuan Rozali

**Pengerusi Jawatankuasa Kecil Latihan**

Y. Bhg. Prof. Datin Sri. Hajjah Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim

**Pengerusi Jawatankuasa Kecil Kerja-Kerja Sosial**

Encik Azman Abdul Rahman

**Pengerusi Jawatankuasa Kecil Penerbitan**

Prof. Madya Dr. Syamsul Bahri Andi Galigo

**Pengerusi Jawatankuasa Kecil Keahlian**

Encik Ahmad Kamel Mohamed

**Pengerusi Jawatankuasa Kecil e-Kaunseling/Penasihat**

Encik Mushaddad Hasbullah

**Pengerusi Jawatankuasa Promosi dan Publisiti**

Encik Abdul Manan Ismail

*Pertandingan Mencipta Logo  
Kelab Pendakwah Muda Kebangsaan*

*Serahkanlah kreativiti anda dengan  
mencipta logo rasmi  
Kelab Pendakwah Muda Kebangsaan.*

*Sekiranya anda berminat untuk  
menyertai pertandingan ini, sila  
hubungi En. Samir di KUIM.*

**PERTANDINGAN TERBUKA  
KEPADA SEMUA**